

Lokasi cerminkan matlamat kepelbagaian, integrasi

DE 12.4.2018 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah dipilih sebagai venue untuk Persidangan Antara-bangsa mengenai Undang-Undang dan Masyarakat ke-7, di sini, Rabu.

“Lokasi universiti dengan kepelbagaian sosial dan persekitarannya mungkin merupakan pencerminan sempurna matlamat dan tujuan pertemuan ini,” kata Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin.

“Ia adalah matlamat kita untuk meraikan ‘kepelbagaian dalam perpaduan’ kita dan mengetengahkan contoh terbaik masyarakat, kebudayaan dan amalan kita yang berpelbagai.

“Adalah harapan kami supaya persidangan ini bertindak sebagai pendorong proses ratifikasi terhadap perlindungan dan penggalakan kepelbagaian dan integrasi,” katanya dalam ucapan alu-aluannya.

Beliau menyuarakan penghargaannya kepada inisiatif yang diambil oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan UMS dalam menganjur persidangan itu.

Beliau berkata ia bertindak sebagai platform untuk bertukar pandangan dan pengalaman dalam kalangan negara-negara Asia dan Eropah tentang pemeliharaan dan penggalakan kepelbagaian di negara masing-masing.

Persidangan tiga-hari itu, dengan tema Integrasi dan Kepelbagaian Pendekatan dalam Undang-Undang, Kemanusiaan dan Amalan Perniagaan, dirasmikan oleh Hakim Besar Sabah dan Sarawak Tan Sri Richard Malanjum.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tun Dato’ Seri Zaki Tun Azmi dan Rektor UIAM Profesor Dato’ Sri Dr Zaleha Kamaruddin. Persidangan itu dihadiri oleh sarjana dari Indonesia, Turki dan serata negara.

Terdahulu, Dr Kamarudin berkata kepelbagaian adalah khazanah manusia yang paling indah dan berharga, yang terhasil daripada proses kemajuan dan pembangunan.

Katanya, daripada pembangunan, identiti diwujudkan yang berbeza mengikut negara,

kumpulan etnik, produk dan perkhidmatan.

Beliau menambah, kepelbagaian itulah yang mewujudkan keunikan yang menjadikan dunia lebih berpelbagai dan indah.

“Setiap negara didefinisikan oleh ciri rohaniah, material, intelektual dan emosi sendiri yang unik dan berbeza, yang diwujudkan dan diperhalusi sepanjang sejarah masing-masing.

“Perbezaan itulah yang membentuk imej negara dan bertindak sebagai kuasa dasar dan motivasi untuk pembangunan sosial dari segi undang-undang, kemanusiaan dan amalan perniagaan,” katanya.

Beliau selanjutnya berkata, dalam era globalisasi sekarang ini dan gerakan ke arah Revolusi Industri 4.0, kita harus ingat bahawa kepelbagaian harus bekerja seiring dengan integrasi.

Beliau berkata, globalisasi dan integrasi adalah penting untuk identiti dan nilai sesebuah negara dipelihara, dilindungi dan digalakkan. – **Sherell Jeffrey**